

Miti tak patut sembunyi kelulusan status Naza

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) tidak harus menutup perkara sebenar berhubung isu kelulusan status pengeluaran kereta nasional kepada Naza Ria.

"Saya fikir Miti tahu sepenuhnya bahawa Miti yang memberi kelulusan dan tindakan melindungi perkara sebenar adalah salah.

"Kerajaan tidak sepatutnya menutup perkara sebenar dan menipu rakyat... ia salah. Kerajaan tahu bahawa Miti yang memberi kelulusan kereta Naza sebagai kereta nasional, bukan saya," kata bekas Perdana Menteri pada sidang akhbar selepas melancarkan Perdana Global Peace Forum (PGPF) 2005 di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar *The New Sunday Times* kelmarin mengenai kontroversi pengeluaran permit import (AP).

Laporan itu antara lain menyebut kelulusan memberi AP kepada Ahli Parlimen dipersetujui Kabinet pada 26 Mac 1997, menyenaraikan beberapa persoalan mengenai isu AP dan jawapannya berdasarkan maklum balas pemimpin termasuk Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Dr Mahathir berkata, langkah menutup kebenaran amat tidak baik.

"Perkara ini adalah suatu cover-up. Kita tidak sepatutnya bertindak menutup kebenaran," katanya.

Mengenai kelulusan Kabinet membolehkan semua Ahli Parlimen diberi AP seperti yang dicapai pada 26 Mac 1997, Dr Mahathir berkata, beliau tahu kelulusan yang diberi Kabinet itu.

"Adalah salah mengatakan saya tidak tahu keputusan itu. Apa yang saya katakan ialah seorang Ahli Parlimen diberi AP untuk kegunaan sendiri bukan untuk dijual.

"Saya sudah nyatakan ini kepada media banyak kali," katanya.

Ditanya apakah beliau berpuas hati dengan jawapan yang diberi Rafidah pada sidang Dewan Rakyat, minggu lalu, Dr Mahathir mempersoalkan keperluan Miti mengeluarkan senarai Ahli Parlimen yang diberi AP.

"Mengapa siarkan senarai itu sedangkan soalan daripada ahli politik berbeza, bukan soal Ahli Parlimen diberi AP. Malangnya, Ahli Parlimen tidak bertanyakan soalan betul.

"Soalan penting yang sepatutnya ditanya ialah jumlah AP. Mengapa ia diberi kepada beberapa orang saja sedangkan ada beratus-ratus lagi yang memohon AP," katanya.

Dr Mahathir berkata, persoalan mengenai mengapa harga perisytiharan kereta import adalah rendah juga tidak mendapat jawapan.

Walaupun bukan tanggungjawab Miti, mereka boleh memberi kata pemutus harga sebenar kereta import yang boleh ditawarkan," katanya.